

09 NOV 2000

ABAC-MALAYSIA

ABAC TERIMA PANDANGAN MALAYSIA MENGENAI SISTEM KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Pandangan Malaysia mengenai keperluan untuk meningkatkan ketelusan dalam sistem kewangan dunia telah diterima dan dimasukkan dalam laporan Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) kepada mesyuarat Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Brunei pada 15 Nov ini.

ABAC, khususnya, menggalakkan usaha-usaha lanjutan di peringkat antarabangsa untuk meningkatkan ketelusan institusi-institusi berleveraj tinggi (HLI), demikian menurut anggota ABAC Malaysia dalam satu kenyataan mengenai kandungan Laporan Majlis itu kepada mesyuarat di Brunei.

Oleh itu, ABAC menyambut baik Laporan Forum Kestabilan Kewangan mengenai HLI yang mencadangkan peraturan tidak langsung dikenakan ke atas dana-dana lindung nilai dan HLI lain menerusi pengawal seliaan amalan-amalan pinjaman bank, kata mereka.

ABAC telah menggubal cadangan-cadangan untuk mengukuhkan sistem kewangan dan menyediakan persekitaran yang lebih stabil bagi pembangunan rantau ini dan dalam hal ini, ABAC telah menerima pandangan Malaysia.

Laporan ABAC mengandungi keputusan-keputusan perbincangan ABAC tahun ini dan syor-syornya akan dibincangkan pada Dialog Pemimpin APEC dengan anggota ABAC di mesyuarat di Brunei.

Wakil Malaysia di ABAC, suara rasmi sektor swasta APEC, adalah Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli, Pengarah Urusan YTL Corporation Bhd Tan Sri Francis Teoh dan Pengerusi Kumpulan Arab-Malaysian Banking Tan Sri Azman Hashim.

ABAC juga mengambil maklum usaha-usaha untuk mendapatkan lebih banyak penyertaan sektor swasta dalam menyelesaikan krisis kewangan.

Pelabur swasta dan kreditor harus menerima kesan keputusan-keputusan mereka, kata ABAC.

"Menyelamat" sektor swasta oleh sumber-sumber rasmi tidak harus dilihat sebagai tindakan biasa kerana ia bertentangan dengan kecekapan dan pengambilan risiko pasaran.

Dalam hal ini, ABAC menggesa Pemimpin APEC supaya memberi amaran kepada agensi-agensi kewangan perbagai hala supaya memberikan penekanan kepada disiplin pasaran dalam membangunkan isu-isu operasi yang berkaitan dengan pelaksanaan rangka kerja bagi mendapatkan penglibatan sektor swasta dalam menyelesaikan krisis.

Cadangan-cadangan utama yang lain bertujuan membina sistem kewangan yang lebih kukuh termasuk menggalakkan pelaksanaan tanda aras dan membangunkan lagi pasaran ekuiti papan kedua dan bon.

Cadangan-cadangan mengenai sistem kewangan ini adalah antara beberapa cadangan bagi memperluaskan capaian kepada kemakmuran melalui usaha membina keupayaan, selain daripada langkah-langkah permudahan dan pelonggaran perdagangan dan pelaburan.

Bagi mempermudah perniagaan, ABAC telah mencadangkan penghapusan halangan-halangan yang dikaitkan dengan standard dan ujian pematuhan.

Ia mencadangkan supaya negara-negara anggota melibatkan diri sepenuhnya untuk meletakkan standard negara masing-masing sebaris dengan standard antarabangsa yang diiktiraf dan dalam tempoh yang dipersetujui.

Mengenai mobiliti perniagaan, ABAC menggesa anggota-anggota APEC supaya mempermudah kalangan perniagaan untuk bergerak di rantau ini, dan untuk tujuan ini, ia mencadangkan supaya pemimpin-pemimpin APEC menggalakkan penyertaan yang lebih besar dalam Kad Kembara Perniagaan APEC (ABTC) dan

menyokong sepenuhnya pelaksanaan sistem pemeriksaan kembara automasi.

Berhubung dengan pembinaan keupayaan dalam rangka kerja Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (ECOTECH), kejayaan-kejayaan besar telah diraih bagi mencapai pembangunan ekonomi dan pertumbuhan mapan dan untuk merapatkan jurang ekonomi di kalangan negara-negara APEC.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan penaung pengasas Perkongsian bagi Pertumbuhan Saksama (PEG), sebuah badan perniagaan/sector swasta yang ditubuhkan pada bulan April 1999 untuk menggalakkan penyertaan lebih besar dalam kegiatan-kegiatan ECOTECH.

Tiga inisiatif utama ECOTECH yang telah dilancarkan ialah inisiatif Pendidikan IT Global, Sistem Sokongan Prasarana & Agenda Tenaga Bersih serta Program Aprentis Automotif bagi PKS.

Wakil-wakil Malaysia berkata usaha awal, termasuk kejayaan dua rundingan Meja Bulat, menunjukkan bahawa sistem pengangkutan dari segi teknikalnya adalah baik dan berdaya maju dari segi ekonomi, dan dialog telah diadakan dengan pemilik/pemaju medan gas dan China yang merupakan pengguna berpotensi.

Kenyataan tersebut menyatakan bahawa walaupun ABAC sedar bahawa pertumbuhan serantau pada keseluruhannya dalam sedekad yang lalu adalah berpunca daripada penyertaan dalam ekonomi global, ia memperakui bahawa anggota-anggota APEC tidak mendapat faedah yang saksama daripada globalisasi.

Perbezaan prestasi ekonomi di seluruh rantau ini menunjukkan bahawa untuk beroleh faedah daripada globalisasi memerlukan tindak balas yang berkesan daripada kerajaan dan kalangan perniagaan.

ABAC juga menekankan peri pentingnya membina keupayaan serantau serta berkongsi pengalaman dan sumber di kalangan negara-negara anggota.

"Ini boleh dicapai melalui usaha meningkatkan capaian kepada peluang-peluang untuk kemajuan teknologi bagi semua ekonomi APEC, khususnya bagi perusahaan kecil dan sederhana." -- BERNAMA

MSL FR KY JR